

**MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN GAWAI DAYAK KARNIVAL REDEEMS KE-9 TAHUN  
2014**

24/06/2014

REDEEMS CENTRE, OPAR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Saudara Pengacara Majlis.

Yang Amat Berbahagia Tun Pehin Sri Hj. Abdul Taib Mahmud, Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan;

Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri;

YB Menteri Menteri Persekutuan & Negeri serta Isteri;

YB Timbalan Timbalan Menteri dan Menteri Muda serta isteri;

YB Datuk Peter Nansian Ngusie, President REDEEMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Gawai Karnival Redeems 2014;

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk dan Datin-Datin;

Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua Persatuan Komuniti;

dan seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada malam ini, di Majlis Sambutan Perayaan Gawai Dayak Karnival Redeems 2014 yang penuh warna warni.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Research and Development Movement of Singgai (REDEEMS) kerana sudi mengundang saya ke Karnival Gawai Dayak pada tahun ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada YB Datuk Peter Nansian Ngusie dan semua ahli jawatankuasanya di atas usaha mereka menjayakan Karnival Gawai pada tahun ini.
3. Sempena Sambutan Perayaan Hari Gawai Dayak 2014 ini, saya ingin mengucapkan

Selamat Menyambut Hari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai Lantang Senang Nguan Menua” (Semoga panjang umur, diberikan kesihatan dan kemakmuran) kepada semua masyarakat Dayak di Sarawak khususnya kepada para hadirin di REDEEM Centre pada malam ini. Saya berasa gembira kerana kita dapat meraikan perayaan Hari Gawai dengan penuh rasa muhibbah, dalam suasana yang aman dan harmoni. Semoga tahun ini akan membawa lebih banyak kejayaan dan kemakmuran kepada kita semua.

4. Negeri Sarawak sememangnya terkenal dengan keunikan budayanya yang tersendiri. Dengan penduduknya yang berbilang etnik, sudah tentu mempunyai pelbagai budaya yang diraikan oleh, bukan sahaja masyarakat di Negeri Sarawak malah seluruh rakyat Malaysia. Kepelbagaian yang telah lama wujud dan diwarisi ini merupakan satu rahmat dan kekuatan yang perlu dipertahankan. Inilah yang menjadikan Malaysia sebuah negara unik dan tersendiri di mata dunia. Keunikan dan keharmonian inilah yang perlu kita tunjukkan kepada masyarakat dunia terutamanya kepada pelancong-pelancong luar negara. Sambutan Gawai Dayak ini merupakan salah satu platform untuk kita mengeratkan lagi perpaduan antara kaum kerana ianya merupakan satu faktor yang amat penting dalam memacu negara ke arah yang lebih maju dan sejahtera.

5. Kita harus sedar di era teknologi ini, pelbagai cabaran akan terus datang bersilih ganti untuk menguji keutuhan kita, namun jika kita mempunyai semangat cintakan negara, nescaya kita tidak akan mudah terpedaya oleh mana-mana pihak yang cuba mengukar-kacirkan keamanan yang sedia ada. Dalam masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya, bangsa dan agama, sikap toleransi amatlah penting bagi mengekalkan keharmonian dan perpaduan. Ianya akan memudahkan kita mencapai misi dan visi negara dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan acuan tersendiri. Jangan sama sekali kita membiarkan pihak-pihak tertentu melaga-lagakan kita sehingga mencetuskan persengketaan dan perbalahan, samada yang menyentuh soal agama, kaum, bangsa dan budaya kita. Kita semua sedia maklum, bahawa kestabilan sosial dan politik amatlah penting untuk kita sama-sama meneruskan agenda pembangunan nasional. Saya yakin bahawa kestabilan dan keharmonian masyarakat di Negeri Sarawak ini turut mencerminkan kestabilan negara kita secara keseluruhannya, dan ia harus dikekalkan serta dipertahankan untuk menjamin kesinambungan kehidupan yang sejahtera demi generasi kita di masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kita tidak seharusnya hanya melihat perbezaan yang ada di antara kita, namun kita juga perlu turut memberi fokus kepada segala persamaan yang ada, kerana ianyalah yang mewujudkan keserasian bagi mengikat dan memperkukuh keharmonian di antara rakyat Malaysia yang pelbagai. Kekuatan inilah yang menjadi tonggak dan tulang belakang kepada kejayaan negara kita dalam pelbagai bidang sehingga kini.

7. Dengan perpaduan yang kukuh, dapatlah kita berjalan seiring untuk mencapai matlamat menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. Negeri Sarawak juga, kini sedang rancak dengan kemajuan dan pembangunan ekonomi. Pastinya, dengan pelbagai inisiatif oleh Kerajaan Negeri dan sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan, akan mampu melonjakkan lagi ekonomi Negeri Sarawak dalam mencapai aspirasi untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2030. Dalam menjayakan matlamat ini, masyarakat Dayak juga tidak ketinggalan memainkan peranan penting seperti kaum lain di negara kita untuk sama-sama berganding bahu menjadikan Malaysia negara maju yang berlandaskan kesepakatan dan kesepaduan rakyatnya. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak supaya dapat bersama-sama berusaha ke arah mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang dinamik, hidup secara aman dan harmoni serta berpegang teguh kepada tradisi kebudayaan bersama.

8. Perayaan Gawai ini adalah sebahagian daripada aktiviti sempena Tahun Melawat Sarawak dan Tahun Melawat Malaysia 2014. Kedua-dua kempen ini menghasilkan impak yang amat besar dalam meningkatkan jumlah pelancong ke negara kita, sekaligus meningkatkan ekonomi negara. Peranan dan kerjasama semua pihak adalah sangat penting dalam memastikan kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2014.

9. Justeru, program ini amat signifikan kerana Negeri Sarawak sememangnya merupakan salah satu destinasi tumpuan utama para pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Ia juga merupakan salah satu usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Sarawak sempena Perayaan Sambutan 50 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia dan juga membantu mencapai sasaran kedatangan 28 juta pelancong ke Malaysia pada tahun 2014. Saya yakin bahawa sasaran negara untuk mencatat pendapatan sehingga RM57 billion melalui sektor pelancongan dapat dicapai. Ini adalah berdasarkan situasi ekonomi global yang semakin menampakkan peningkatan dan pendapatan perkapita pelancong yang lebih tinggi, maka pasti ia akan dapat mengatasi jumlah RM53.4 bilion yang diperolehi daripada sektor pelancongan pada tahun 2009.

10. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama dan memberi sokongan kepada kerajaan negeri melalui pemberian peruntukan yang secukupnya kepada Negeri Sarawak bagi memastikan kesinambungan pembangunan di negeri ini. Kita yakin usaha ini akhirnya akan membawa kita bersama-sama ke destinasi negara maju menjelang tahun 2020.

11. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada REDEEMS kerana telah berusaha dengan gigih untuk menjayakan Karnival Gawai Dayak 2014 ini. Usaha dan kegigihan REDEEMS, sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan memelihara dan memperkenalkan amalan tradisi dan kebudayaan masyarakat Bidayuh melalui penganjuran

acara seperti ini adalah suatu usaha yang perlu dicontohi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir memeriahkan majlis pada malam ini khususnya kepada penduduk di daerah Bau.

Sekian terima kasih.